

08 JUN 1999

Rebak

REBAK MARINA JADIKAN MALAYSIA MEDITERRANEAN TIMUR

Oleh: Nasir Yusof

LANGKAWI, 8 Jun (Bernama) -- Usaha menjadikan Malaysia destinasi utama pelayaran di rantau ini semakin mendekati kenyataan dengan siapnya satu lagi kemudahan untuk kapal layar berlabuh di Rebak Marina Resort, satu daripada 99 pulau yang membentuk pulau lagenda ini.

Menjadikan Malaysia sebagai pusat bagi pelayaran di rantau ini merupakan wawasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang kini dikongsi dan disahut oleh sektor swasta. Wawasan itu wajar lantaran perairan Malaysia dikatakan antara yang tercantik di dunia.

Kemudahan marina di Rebak Marina Resort, tentunya menambahkan lagi kelebihan yang ada pada Malaysia untuk mencapai matlamat itu.

Rebak Besar, pulau eksklusif pada kedudukan latitud 6 darjah 17.4 Utara dan longitud 99 darjah 41.8 Timur, yang menawarkan 128 labuhan sejak setahun lepas, kian menjadi buah mulut di kalangan pelayar berpengalaman dari serata dunia. Ini jelas dilihat berdasarkan nama dan negara asal bot-bot dan perahu layar yang berlabuh di situ termasuk dari Perancis, Britain, Australia dan Hong Kong.

Kemudahan itu bagaimanapun hanyalah satu daripada pelbagai tarikan yang terdapat di pulau seluas 160 hektar itu, yang dibangunkan menjadi pulau percutian oleh Kumpulan DRB Hicom dan diuruskan oleh Glenmarie Hotels and Resorts Malaysia.

Sejak beroperasi pada Mei 1997, Rebak Marina Resort telah melalui banyak perkembangan dari hanya 56 bilik kepada 104 bilik sekarang. Chalet-chalet beranjung yang hampir kesemuanya membuka pandangan ke laut luas itu menawarkan empat pilihan bilik penginapan.

Chalet keluarga dengan bayaran RM380 semalam, bilik Superior (RM380), Deluxe (RM430) dan Junior Suite (RM960) turut menawarkan saluran CNN bagi tetamunya yang bercuti tetapi tidak mahu terlepas mengikuti perkembangan dunia terkini.

Dengan dilengkapi semua kemudahan yang lazim ditawarkan oleh hotel antarabangsa bertaraf empat bintang, pengunjung ke Rebak Marina Resort akan benar-benar terasa betapa eksklusifnya bersantai di pulau itu. Tidak semua dapat berkunjung ke situ kerana hanya tetamu berdaftar sahaja yang akan dibawa menaiki bot dari jeti persendirian di Port Langkasuka, Langkawi.

Rebak Marina Resort terletak 15 minit perjalanan dengan bot dari Langkawi. Terdapat penerbangan harian dari Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Singapura dan Johor Baharu ke sini.

Bagi mereka yang mempunyai cuti yang agak panjang, perjalanan menuju Rebak Marina Resort melalui Kuala Kedah atau Kuala Perlis akan menjadi lebih menarik jika memandu sendiri dari Kuala Lumpur.

Walaupun memakan masa yang agak lama dan sedikit memenatkan berbanding dengan penerbangan, namun memandu sendiri terutama bersama keluarga membolehkan anak-anak belajar serba sedikit mengenai sejarah industri getah negara.

Tahukah anda bahawa sebatang pokok getah yang dikatakan antara 11 batang pokok getah pertama ditanam di Malaysia 119 tahun dahulu masih lagi hidup di tengah-tengah bandar Kuala Kangsar?

Itulah antara pokok bersejarah yang menyumbang kepada kemajuan Malaysia sebagai negara pengeluar getah asli utama dunia satu masa dahulu.

Pulau Rebak Besar mendapat namanya daripada sejenis pokok yang tumbuh di pulau itu. Namun popularitinya sebagai destinasi pelancongan bukan kerana pokok itu tetapi kerana kemudahan marineranya dan beberapa tarikan

baru yang diusahakan oleh Glenmarie.

Rebak Marina akan menjadi marina pertama di Malaysia mempunyai "hardstand" iaitu kemudahan untuk membolehkan 67 bot dan perahu layar berlabuh untuk tujuan dibaik pulih atau diselenggara. Kemudahan itu dijangka siap Disember ini.

Pengarah Pemasaran Glenmarie Hotels and Resorts, Zakariya Musa berkata Langkawi Crystal, pengeluar bahan kristal terkemuka di Pulau Langkawi, juga akan membuka kilangnya di Pulau Rebak menjelang November ini, yang sekaligus memberikan peluang kepada pengunjung ke pusat percutian itu melihat sendiri pembuatan kristal.

Pulau peranginan itu boleh dikatakan cepat mencipta nama kerana lebih 30 peratus tetamunya adalah pengunjung berulang. Keterasingan dan kedudukan eksklusifnya juga menarik minat pasangan berbulan madu terutama dari Korea Selatan dan Jepun, yang boleh dikatakan tiba untuk menginap di situ hampir saban bulan.

Rebak Marina Resort sedang menggiatkan promosi bagi menarik lebih ramai pelancong tempatan berkunjung ke situ selaras kempen kerajaan menggalakkan rakyat melancong dalam negeri.

Tidak semestinya mereka yang berkunjung ke situ mempunyai pengetahuan mengenai bot dan kapal layar atau berpengalaman dalam pelayaran. Sebaliknya, mereka yang berkeinginan, mungkin boleh mulai menyemai minat mereka dan anak-anak dalam bidang pelayaran dan bot dengan bermula di Rebak.

Di antara berpuluh-puluh perahu layar yang dapat dilihat berlabuh di marina yang tenang itu, terdapat sebuah yang paling menarik bentuknya iaitu "Bahtera Purba" yang dihadiahkan oleh seorang usahawan Kelantan kepada Dr Mahathir.

Rebak Marina Resort juga menyediakan kelas asas pelayaran dan kelas pertengahan untuk remaja berusia dari 12 hingga 18 tahun untuk lima hari masing-masing di pusat rekreasinya, yang dilengkapi kemudahan bilik mesyuarat dan bilik darjah.

Latihan dan tunjuk ajar daripada asas mengenali bahagian badan bot, jenis bot dan perahu layar dan juga simpulan tali ikatan yang perlu dikuasai untuk belayar hinggalah ke amali pelayaran, dilakukan oleh jurulatih berpengalaman diketuai Kapten Ahmad Azamri.

Lepasan kelas pelayaran itu di peringkat pertengahan akan berkeupayaan belayar sendiri dengan yakin dan selamat dalam kelajuan angin sehingga 15 kilometer sejam. Mereka juga diberikan sijil lulus.

Selain tarikan-tarikan itu, resort itu juga menawarkan kemudahan memancing termasuk bot yang boleh disewa, kemudahan belayar untuk menikmati keindahan terbenamnya matahari di ufuk atau belayar untuk bersantai semata-mata. Kemudahan rekreasi dan sukan dalaman seperti snuker dan dart juga disediakan.

-- BERNAMA

MNY MAI